

Headline	Memang saya tak bertamadun		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	19 Feb 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	312 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,182



'Memang saya tak bertamadun'

Pengakuan GRO selepas ditahan kerana menari bogel di pusat hiburan

>>Oleh SALMAN HAMAT

salman@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: "Memang saya tak bertamadun, sebab itulah kerja macam ini," demikian pengakuan selamba seorang pelayan pelanggan (GRO) apabila dia dan rakannya ditahan dalam serbuan selepas mempersembahkan tarian bogel di sebuah pusat hiburan di Jalan Datuk, di sini, jam 1 pagi semalam.

Bagaimanapun, janda berusia 26 tahun itu merayu dibebaskan dengan memberi alasan terpaksa menjadi GRO untuk membesarkan dua anaknya.

Difahamkan, janda itu dan rakannya berusia 27 tahun sanggup bogel di pentas tarian atas permintaan pelanggan dengan upah RM250.

Mereka menari di pentas dengan membuka satu demi satu pakaian diiringi rentak muzik disko hingga bogel selama 15 minit.

Ketika ditahan, kedua-dua GRO itu dalam keadaan mabuk serta mengaku tidak keberatan menawarkan khidmat seks kepada pelanggan dengan caj RM500.

Difahamkan, khidmat seks dilakukan di dalam tandas pusat hiburan terbabit tanpa menghiraukan bau busuk



CEKUP... antara GRO yang ditahan dalam operasi, pagi semalam.

dan keadaan tidak selesa, malah pemeriksaan polis turut menemui kondom yang sudah digunakan.

Pegawai Turus, Cawangan Kongsi Gelap Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Deputy Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata, ujian dilakukan terhadap dua wanita itu menunjukkan mereka berada di bawah pengaruh alkohol yang tinggi.

Katanya, turut ditahan ialah seorang wanita yang juga pelayan dan didapati berada di bawah pengaruh alkohol serta seorang penjaga premis, termasuk ibu ayam berusia 46 tahun.

"Siasatan awal mendapati

wanita berkenaan baru beberapa bulan bekerja sebagai GRO, namun dia cuba menafikannya dan mendakwa datang bersama pelanggan bagi mengelak dicekup.

"Semua itu hanya helah kerana kami ada bukti dia bekerja di pusat hiburan terbabit dan turut disyaki menawarkan khidmat seks serta tarian bogel kepada pelanggan," katanya.

Mohammad tidak menolak kemungkinan wanita terbabit sedia dibawa keluar pdengan membayar hingga mencecah RM1,000 semalam.

"Walau apa alasan diberi, kami tetap menahan wanita terbabit. Resit, wang tunai RM500 serta kondom turut

dirampas, manakala semua wanita tempatan itu ditahan untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 372 b Kanun Keseksaan kerana mencari langganan bagi maksud persundalan serta melakukan perbuatan lucuh, manakala penjaga premis disiasat mengikut Seksyen 372 (1) (F) kanun sama.

Operasi turut disertai sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Agama Johor (JAJ) dan mereka menahan empat GRO dipercayai mabuk mengikut Seksyen 19 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997 kerana meminum minuman keras.